

CNS3935

U PB 06-09 00184 BA158

aab

Mahathir - Perhimpunan  
PERHIMPUNAN AGUNG UMNO HANYA BINCANG DUA USUL.

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perhimpunan agung parti itu dari 4 hingga 6 Nov ini akan membahaskan hanya dua usul bagi membolehkan lebih banyak masa diberikan kepada anggota perwakilan untuk mengundi.

Katanya, anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang bermesyuarat hari ini bersetuju tambahan masa itu diberikan kerana perhimpunan kali ini turut melibatkan pemilihan parti.

"Usul yang akan dibahaskan ialah ucapan dasar presiden dan pendidikan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat itu di ibu pejabat UMNO, di sini.

Katanya, usul ucapan dasar presiden akan dibentangkan oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak dan disokong Pergerakan Pemuda manakala usul pendidikan oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor dan disokong Pergerakan Wanita.

Beliau berkata, MT UMNO juga melantik Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar sebagai wakilnya (MT) pada persidangan perwakilan pergerakan Wanita. -- Lagi.

▼06/09/16-10MST

U PB 06-09 00151 BA159

aab

Mahathir - Perhimpunan 2 Kuala Lumpur

Bagi persidangan perwakilan pergerakan Pemuda pula, katanya, Menteri Besar Perlis, Dr Abdul Hamid Pawanteh, Timbalan Menteri Iair, Datuk Dr Abdullah Padzil Che Wan dan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor dilantik sebagai wakil MT.

Kedua-dua persidangan itu akan berjalan serentak pada 3 Nov iaitu sehari sebelum perhimpunan agung UMNO.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT UMNO turut mengkaji satu persatu rayuan dan aduan berhubung rasa tidak puas hati anggota, cawangan dan bahagian-bahagian UMNO mengenai perjalanan mesyuarat-mesyuarat di peringkat cawangan dan pergerakan Wanita dan Pemuda bahagian.

Katanya, beberapa keputusan telah dibuat dan diserahkan kepada badan-badan perhubungan UMNO negeri berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, MT tetap berpegang kepada keputusan terdahulunya iaitu menyerahkan kepada badan-badan perhubungan UMNO negeri untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit di peringkat cawangan dan bahagian di negeri masing-masing. -- Lagi.

▼06/09/16-12MST

Mahathir - Perhimpunan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, mesyuarat hari ini mengucapkan tahniah kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang kerana kejayaan cemerlangnya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Batu Talam pada pilihan raya kecil 28 Ogos lepas.

Pada pilihan raya kecil itu, calon Barisan Nasional (BN), Syed Ali Syed Mohammad menewaskan calon PAS, Tengku Puji Tengku Abdul Hamid, dengan majoriti yang lebih besar iaitu 2,990 undi berbanding pilihan raya umum 1990 yang mencatatkan majoriti BN sebanyak 1,980 undi.

Perdana Menteri berkata, MT juga membincangkan usaha damai Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan Israel.

Dalam hal ini, katanya, MT UMNO menyokong pendirian PLO untuk mengiktiraf Israel dan mewujudkan perdamaian dengan Israel. -- Bernama.

AH NMO

▼06/09/16-14MST